

**UCAPAN YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI
TUN ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN
DI PEMBUKAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN GABUNGAN
DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA
DI ALOR STAR PADA 14 JULAI 1967**

**Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah,
Ampun Tuanku beribu-ribu ampun.**

Patik menjunjung kasih yang amat sangat terhadap Kebawah Duli Tuanku disebabkan Tuanku telah berkenan mencemar Duli bagi merasmikan pembukaan Mesyuarat Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia ini.

Patik sendiri bersyukur ke Hadrat Tuhan kerana dapat bersama-sama hadir di sini mengiringi Kebawah Duli Tuanku. Patik yakin dan percaya dengan keberangkatan Kebawah Duli Tuanku ke majlis ini, majlis ini bukan sahaja bertambah serinya bahkan akan dapat diberkati oleh Allah s.w.t. dan segala usaha yang akan dijalankan oleh Dewan ini untuk faedah ahli-ahlinya dan ahli-ahli perniagaan bumiputra yang hendak menjalankan perusahaan dan perniagaan, akan mendapat kejayaan dengan sepenuh-penuhnya.

Patik mohon izin untuk berucap kepada sidang hadirin sekalian. Yang Berhormat Tuan Yang DiPertua, Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Kedah, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir sekalian:

Saya amatlah sukacita kerana dapat hadir di sini bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini. Saya sangat hargai peluang yang diberi kepada saya untuk berjumpa dan bercakap kepada tuan-tuan dan puan-puan yang mewakili segala bahagian dan perniagaan bumiputra di seluruh negara. Saya masih ingat lagi, dalam ucapan saya kepada Gabungan ini di Kuala Lumpur pada tahun lalu, saya telah mengesyorkan supaya tuan-tuan berusaha mengadakan satu "*blue print of action*" atau "rancangan kerja" supaya Gabungan ini dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna dan dapat mengambil bahagian dengan lebih cergas dan berkesan lagi dalam lapangan iktisad yang sedang kembang dan maju di negara kita ini.

Tiap-tiap kali saya berucap membuka mesyuarat pertubuhan-pertubuhan seperti Dewan ini, saya sentiasa menggesa pertubuhan-pertubuhan itu supaya bekerja keras menunjukkan bukti dan kehasilan mereka itu. Saya harap tuan-tuan dan puan-puan tidak berfikir yang saya tidak bersetuju dengan Dewan Perniagaan atau pertubuhan-pertubuhan yang semacam itu - saya tidak *anti-chambers of commerce*. Akan tetapi saya adalah anti atau menentang mana-mana pertubuhan, baik pertubuhan di bawah jagaan kerajaan atau pun pertubuhan sukarela, yang tidak menjalankan tugas mereka itu; seperti kata perumpamaan Melayu: "Hidup Segan Mati Pun Ta' Mahu"; yang tidak mempunyai semangat atau jiwa untuk bekerja dan untuk melaksanakan segala tujuannya.

Ada pertubuhan-pertubuhan yang mempunyai banyak tugas tetapi setengah-setengahnya menjalankan perkara-perkara yang kecil; semata-mata mengadakan perjumpaan-perjumpaan sosial untuk makan, minum dan membuat ucapan-ucapan. Kadang-kadang pertubuhan-pertubuhan itu mengambil tindakan menentang dasar-dasar Kerajaan, cukai-cukai yang terpaksa dikenakan untuk mendapatkan hasil negara; atau mengecam kerja-kerja Kerajaan, semuanya tak betul tetapi tugas-tugas sendiri tidak dijalankannya. Satu perkara yang mudah sekali ialah mencari salah dan yang payah ialah mencari ikhtiar hendak memperbaiki kesalahan-kesalahan itu.

Saya suka Dewan-dewan Perniagaan dan Pertubuhan-pertubuhan Melayu yang lain maju cergas serta menjadi tempat bagi ahli-ahlinya berkumpul, meminta nasihat dan mengambil tindakan-tindakan yang berfaedah bagi ahli-ahlinya, bangsa dan negara. Bukanlah menjadikan pertubuhan-pertubuhan itu semata-mata untuk menolong diri mereka atau hanya untuk faedah segelintir orang-orang sahaja. Pertubuhan-pertubuhan itu hendaklah menjalankan tugas yang tegas, yang positif dan cergas supaya pertubuhan atau Dewan itu dapat memberi pertolongan untuk memajukan perniagaan ahli-ahlinya dan memberi sumbangan kepada kemajuan iktisad negara Malaysia.

Dengan tujuan inilah saya telah mencadangkan kepada tuan-tuan dan puan-puan pada tahun lalu supaya menyediakan satu "*blue print of action*" atau "rancangan kerja" Gabungan Dewan ini. Saya sukacita kerana telah dapat peluang membaca rangka "Rancangan Kerja" tuan-tuan.

Rancangan kerja tuan-tuan dan puan-puan itu boleh dikatakan baik dan berharap dapat dijalankan oleh Dewan ini sendiri - dari iniatifnya sendiri, tidak dengan bantuan Kerajaan. Saya sukalah berterus terang, kalau saya bersetuju dengan permintaan tuan-tuan itu, saya percaya ia tidak akan memberi faedah kepada Dewan ini dan saya pula tidak menjalankan tugas saya dengan hati yang bersih dan ikhlas. Jikalauh Dewan ini hendak menjadi satu pertubuhan yang dinamik maka mustahaklah Dewan ini berdiri dengan tegap, di atas kakinya sendiri dan tidak setiap masa meminta pertolongan dan bantuan Kerajaan. Saya dengan ikhlasnya cadangkan supaya Dewan itu mengambil sikap yang Merdeka dan memelopori satu concept "*Do it yourself*", atau buat sendiri.

Konsep "*Do it yourself*" ini kurang mendapat perhatian orang-orang kita. Konsep ini hendaklah digalakkan. Dewan ini hendaklah menunjukkan kepada Kerajaan yang ia sanggup berjalan banyak "*Do it yourself* projek dan di mana yang boleh dan menasabah Kerajaan tentu akan menolongnya, tetapi ikhtiar hendaklah dijalankan dahulu oleh Dewan ini sendiri.

Tuan-tuan dan puan-puan, pada keseluruhannya Kerajaan Perikatan telah melaksanakan sebahagian besar daripada ketetapan-ketetapan yang diluluskan oleh Kongres Ekonomi Bumiputra yang pertama untuk menolong rakyat bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Majlis Amanah Rakyat (MARA), satu hasil dari ketetapan Kongres itu, pada masa ini telah menunjukkan hasil yang agak memuaskan hati. Bahagian Khidmat dan Nasihat MARA telah dan sedang memberi pertolongan dan Nasihat kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra yang baru masuk dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Saya berharap banyak lagi ahli-ahli perniagaan bumiputra akan menggunakan

perkhidmatan yang diberi oleh MARA melalui Bahagian ini. Bahagian Pinjaman Wang atau "*Credit Finance Section*" telah meluluskan, semenjak Kongres Ekonomi Bumiputra Yang Pertama diadakan, iaitu pada bulan Jun, 1965 hingga 31 Jun, 1967 sebanyak 1,866 pinjaman yang berjumlah wang sebanyak \$18,100,000. Dari pinjaman ini \$4 juta telah pun dibayar balik oleh peminjam-peminjam termasuklah dengan faedah-faedahnya.

Semenjak RIDA dan MARA ditubuhkan pada tahun 1951, RIDA dan MARA hingga Jun, 1967 telah meminjamkan wang kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra sebanyak \$36 juta dan mereka telah membayar balik daripada pinjaman ini sebanyak \$33 juta.

Pukul rata tiap-tiap bulan MARA sekarang memberi pinjaman wang kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra sebanyak \$200,000.

Saya sukacita melihat yang cara memberi pinjaman wang yang baru yang sedang dijalankan oleh MARA ada berjalan dengan baik.

Dasar Pinjaman MARA ialah MARA hanya memberi pinjaman wang kepada perusahaan-perusahaan yang MARA fikir boleh maju dan boleh dikembangkan lagi. Oleh itu tiap-tiap permintaan pinjaman wang, samada daripada orang-orang yang baru hendak memulakan perniagaan atau pun yang hendak memperbaiki dan meluaskan perniagaannya yang sedia ada itu maka MARA akan mengkajikan dan mengukur perusahaan itu dan jika MARA puas hati yang perusahaan itu ada harapan yang baik untuk meningkat maju, barulah MARA akan memberi pinjaman wang dan setelah itu akan memberi nasihat dan pertolongan untuk kemajuan perusahaan dan perniagaan itu. Bahagian ini mempunyai pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar kewangan, jurutera-jurutera dan jurukira-jurukira dan pakar-pakar yang lain yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Mereka inilah yang menyiasat dengan halusnyaa tiap-tiap permintaan pinjaman wang dari MARA. Dasar dan cara baru ini telah mendapat kejayaan dan wang yang dipinjamkan oleh MARA itu telah dapat dibayar balik dengan memuaskan.

Saya sangat sukacita atas kejayaan ini, sebab, dengan kejayaan ini bermaknalah Kerajaan kita - Kerajaan Perikatan - telah dapat mengadakan cara yang baik bagi memberi pertolongan kepada ahli-ahli perniagaan bumiputra, samada pertolongan wang atau pertolongan nasihat teknik, adalah berjalan dengan baik. Saya suka terangkan di sini bahawa jikalau mana-mana ahli perniagaan bumiputra, samada yang ada di sini atau pun tidak, yang tidak berjaya mendapatkan pinjaman wang dari MARA, janganlah berasa susah hati atau berasa keciwa. Biasanya kalau MARA tidak dapat meluluskan pinjaman wang, MARA akan memberi keterangan yang jelas sebab-sebab mengapa MARA tidak dapat meluluskan pinjaman wang itu. Dan selalunya sebabnya ialah pada pendapat pakar-pakar MARA yang bertauliah yang perniagaan dan perusahaan itu tidak boleh maju, melainkan jika perusahaan-perusahaan itu dibaiki dengan cara-cara yang tertentu. Dan MARA akan memberi nasihat bagaimana caranya perniagaan itu patut diperbaiki. Saya percaya tuan-tuan dan puan-puan tentu bersetuju dengan dasar dan cara bantuan yang diberi oleh MARA sekarang ini. MARA sebenarnya berkehendakkan tiap-tiap perniagaan bumiputra itu berjaya dan maju. Tujuan memberi pinjaman wang ini ialah hendak menolong sesuatu perusahaan

itu dan jikalau difikirkan perusahaan itu tidak dapat ditolong atau pun pertolongan itu tidak akan memberi faedah, dan hanya semata-mata akan menambahkan beban orang-orang yang meminjam wang itu sehingga menjadikan mereka bengkrap, maka MARA tidak akan meminjamkan wangnya.

Dasar Kerajaan kita dan dasar MARA ialah hendak memajukan perusahaan dan perniagaan bumiputra bukan hendak menolong mereka menjadi gagal dan bengkrap dalam perniagaannya. Dengan sebab itulah, mustahak diadakan dasar mengkaji, menyemak tiap-tiap satu perniagaan ini dengan halus dan teliti sebelum sebarang pinjaman diluluskan.

Tuan-tuan dan puan-puan, dasar Kerajaan ialah hendak memberi pertolongan kepada rakyat bumiputra dalam lapangan perniagaan, perusahaan dan iktisad, hendak membolehkan bumiputra mengambil bahagian yang sepenuhnya dalam bidang-bidang ini. Dasar ini bukanlah bermakna mendapatkan lesen-lesen permit-permit dan kemudahan-kemudahan lain dan kemudian "menggadaikan" lesen-lesen dan permit-permit itu kepada orang-orang lain; orang lain yang menjalankan perniagaan dan perusahaan itu dengan mendapat keuntungan yang banyak kepada mereka sendiri dan bumiputra yang menggadaikan lesen itu hanya mendapat bayaran yang kecil saja dan tidak dapat berkongsi keuntungan perniagaan atau perusahaan itu. Inilah apa yang digelar dan disebut orang "Cara Ali Baba" atau "Cara Ali John".

Ada satu cara yang baru pula, "Cara Ali Salleh" - Melayu yang segan hendak bekerja, "menggadaikan" perमितnya kepada Melayu yang rajin - ini digelar "Cara Ali Salleh". Cara ini juga ada berlaku.

Bahagian dan peranan yang Kerajaan kehendaki diambil oleh bumiputra dalam lapangan ini ialah "100% participation" atau "100% mengambil bahagian" - modal, pekerja, tenaga yang menjalankan perusahaan itu adalah dibuat sendiri oleh rakyat bumiputra. Saya harap perbuatan memberi lesen-lesen dan permit-permit yang telah diberi pada masa yang lalu, baik kebenaran melombong, ban kayu, lesen-lesen teksi dan lain-lain lagi yang dibagi kepada orang lain dan orang yang mendapat lesen itu pula hanya menjadi "sleeping partner" atau "pemegang saham yang tidur", dapat diberhentikan. Perbuatan-perbuatan serupa ini merugikan orang-orang Melayu sendiri dan merosakkan dasar Kerajaan. Hanya orang Melayu sendiri yang boleh memperbaiki keadaan yang buruk ini.

Seperti Tuan Yang diPertua telah menerangkan tadi, saya suka bercakap lebih lanjut sedikit berkenaan dengan cara kita kehendaki bumiputra mengambil bahagian 100% dalam tiap-tiap perusahaan dan perniagaan di negara kita ini. Satu daripada caranya ialah melalui "Joint Venture" bukan saja dalam perniagaan yang telah pun ada di negara kita ini, akan tetapi dalam perniagaan-perniagaan yang baru, perusahaan-perusahaan yang baru yang hendak dibuka di Malaysia yang harapannya untuk maju sangat baik. Kerajaan berazam hendak membuka seluas-luasnya peluang berniaga bagi rakyat Malaysia dan keinginan Kerajaan ini tidak bermakna yang kita hendak merampas perniagaan-perniagaan yang dipunyai oleh ahli-ahli perniagaan yang ada sekarang. Ini bukanlah dasar kita dan kita tidak bercadang dan tidak bertujuan hendak mengambil hak-hak yang telah dipunyai oleh orang-orang lain untuk diberikan kepada orang-orang bumiputra. Dasar kita

ialah peluang-peluang baru yang terbuka di lapangan pemiagaan dan iktisad negara hendaklah diberi kepada semua pihak dan cara yang adil ialah melalui "Joint Venture". Peluang-peluang untuk bemiaga dan berusaha telah terbuka dengan seluas-luasnya di negara kita ini semenjak Merdeka dan dari satu masa ke satu masa. Dalam mengisikan peluang-peluang yang baru ini, saya berharap mendapat kerjasama daripada semua pihak. Saya berharap dapat dijalankan usaha-usaha berkongsi di antara rakyat negeri ini daripada semua orang: Cina, India, Melayu dan Eropah dan juga kerjasama dan usaha berkongsi dengan pemodal-pemodal dari luar.

Saya sifatkan lapangan pemiagaan ini adalah lapangan yang penuh dengan dugaan, cabaran dan perlawanan dan mereka yang hendak mengambil bahagian dalam lapangan ini hendaklah mempunyai sifat-sifat yang berani bekerja kuat, berani berlawan dengan kuat, amanah, percaya kepada kebolehan sendiri dan mempunyai "contact" yang baik dan juga pengetahuan. Hanyalah dengan mempunyai semangat yang kuat, berani berlawan dan berani bekerja barulah kita dapat menerima nikmat dan kejayaan dalam lapangan pemiagaan. Saya percaya tuan-tuan sekalian tentulah lebih faham dan lebih mengetahui tentang hal ini, kerana tuan-tuan telah mempunyai pengalaman dalam lapangan pemiagaan.

Dalam kita berlawan dan berlumba-lumba dalam lapangan pemiagaan dan iktisad, mustahaklah pula kita memikirkan juga tentang kepentingan negara kita. Tiap-tiap orang ahli pemiagaan mustahaklah bekerja kuat dan berlumba-lumba untuk mendapat tempat yang sempurna dalam lapangan pemiagaan. Begitu juga halnya, kalau negara kita ini hendak mempunyai tempat yang baik dan bahagian yang sempurna dalam lapangan pemiagaan antarabangsa, maka mustahaklah negara kita, Malaysia, bekerja keras dan ahli-ahli pemiagaan negara kita menumpukan usaha yang penuh untuk merebut tempat yang sempurna di bidang pemiagaan antarabangsa.

Akan tetapi kalau kita hendak berlawan dengan negara-negara lain dalam lapangan pemiagaan, mustahaklah perasaan kebangsaan yang ada pada kita itu dicampurkan pula dengan pandangan dan fikiran yang luas - fikiran liberal antarabangsa atau "*international liberalism*". Maksud saya janganlah fikiran kita terlalu sempit. Biarlah orang-orang dan kompeni-kompeni yang mempunyai kepandaian dari luar datang ke negara kita ini menjalankan perusahaan-perusahaan dan menolong mengembang dan memajukan iktisad negara kita dengan mendirikan kilang-kilang perusahaan dan dengan itu negara kita dapat mempunyai bahagian yang sempurna dalam lapangan pemiagaan di dunia dan memberi negara kita kemakmuran dan kerja-kerja kepada rakyat Malaysia.

Kita mustahak memberi galakan kepada pemodal-pemodal dari luar untuk menanam modal mereka di negara kita. Keadaan huruhara yang sedang berlaku di Hong Kong dan di Negeri-negeri yang lain menggalakkan pemodal-pemodal yang besar memandang dan mencari tempat-tempat lain bagi menanamkan modal dan menggunakan kepandaian mereka bagi mendirikan kilang-kilang dan perusahaan-perusahaan. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai keadaan-keadaan yang baik untuk penanam-penanam modal dan patut sangatlah kita berusaha bagi menggalakkan modal-modal datang ke Negara kita.

Sekarang biarlah saya balik kepada masalah di hadapan kita sekarang; peranan dan bahagian rakyat bumiputra dalam lapangan pemiagaan.

Di dalam tempoh lebih kurang 10 tahun semenjak kita Merdeka, maka dari sehari ke sehari makin ramailah saudagar-saudagar dan ahli-ahli perniagaan bumiputra yang telah berjaya dan maju dalam lapangan ekonomi. Pada kali pertamanya dalam sejarah bangsa Melayu, kita telah dapat mengadakan dan mengelolakan bank, iaitu, Bank Bumiputra; kita ada syarikat-syarikat perusahaan dan perniagaan yang besar seperti syarikat-syarikat membalak, melombong, menjual minyak petrol, kontrek-kontrek, pengangkutan dan lain-lain lagi dengan modal yang berpuluh dan beratus-ratus ribu ringgit hatta ada syarikat-syarikat bumiputra sekarang yang benar-benar bermodal berjuta-juta ringgit. Sudah menjadi adat hidup ada di antara syarikat-syarikat ini yang maju jaya dan ada pula yang rugi dan bengkrap.

Kebanyakan syarikat-syarikat yang maju ini ialah kerana adanya pengelolaan yang bersemangat perintis, kuat kemahuannya, tinggi cita-citanya, ringan tulang uratnya, tepat dan bersih tujuan hidupnya serta tekun dan sabar menemui dugaan-dugaan mencari kemahiran dan pengalaman dalam satu-satu perniagaan atau perusahaan yang dijalankannya. Jika kita mempunyai sifat-sifat yang sebut tadi kita akan berjaya dan maju. Sebaliknya pula walau macam mana banyak pertolongan wang diberi oleh Kerajaan atau bank-bank, nasihat-nasihat, ilmu dan anjuran diberi semuanya itu akan menjadi sia-sia dan hilang lenyap begitu sahaja kalau bantuan-bantuan dan nasihat-nasihat tidak disambut dengan perasaan, fikiran dan perbuatan yang ikhlas dan bertanggungjawab.

Di dalam beratus-ratus perniagaan Bumiputra yang MARA, misalnya, telah bantu baik dengan wang pinjaman, khidmat, nasihat dan latihan selama ini lebih daripada 70% yang rugi dan bengkrap itu ialah kerana perbuatan buruk pengurus atau tuan punya perniagaan/perusahaan itu sendiri iaitu kerana niat baiknya yang asal pada mula-mula ia berniaga dan berusaha dahulu telah terpesong. Mereka menjadi lalai; lupa dan cuai menyalakan api hasrat hati mereka yang mula-mula dahulu itu. Bila ada untung sedikit sudah mahu hidup seperti "orang kaya baru" dan dengan kehidupan itu mereka adalah umpama menipu diri sendiri. Inilah yang memusykilkan saya dan kerajaan kerana bermacam manalah kuat dan banyak pertolongan wang dan tenaga yang kerajaan curahkan kelak, kalau perasaan hendak merosakkan perniagaan dan perusahaan dan diri sendiri tidak dapat diubah, nescaya rakyat bumiputra kita terus menerus susah dan melarat hidupnya dalam negara mereka sendiri. Berusaha dalam perniagaan sama saja seperti anak-anak kita belajar dan mencari ilmu di sekolah, kalau hati anak-anak itu sudah terpesong, oleh kerana lebih main, lebih joli dan banyak berasmara daripada apa yang dihajatkan dahulu iaitu mencari ilmu nescaya rosaklah pelajarannya.

Dalam satu kajian yang dibuat oleh MARA sebab-sebab yang besar perusahaan bumiputra itu gagal dalam beberapa tahun yang telah sudah, ialah kerana kesilapan, kekhilapan, kekurangan sifat rajin anak-anak bumiputra yang berniaga dan menjalankan perusahaan-perusahaan yang tertentu. Mereka mestilah menukarkan corak pemikiran mereka dan lebih berusaha lagi, kalau tidak mereka akan gagal dalam dunia yang kuat pertentangan ini.

Pendek kata apabila kita halusi sebab-sebab yang mendatangkan kerugian dalam sesuatu perniagaan/perusahaan anak Bumiputra selama ini kita dapati kebanyakan perkara-perkara itu berlaku oleh kelemahan dan kelalaian anak Bumiputra itu sendiri. Jika inilah perkara-perkara yang merosakkan, meruntuhkan

dan membunuh perniagaan/perusahaan itu tentulah tuan-tuan dan puan-puan bersetuju dengan saya iaitu jalan yang baik dan tepat untuk menolong memajukan perniagaan/perusahaan kita semua dan seterusnya menolong diri kita sendiri ialah dengan jalan mengelakkan daripada berlakunya perkara-perkara yang saya sebut tadi.

Satu rahsia yang menjamin kejayaan dalam perniagaan/perusahaan ialah jikalau tuan-tuan dan puan-puan sekalian mendapat keuntungan dan kemajuan dalam perniagaan/perusahaan itu maka hendaklah keuntungan itu ditanam balik ke dalam perniagaan/perusahaan tuan-tuan/puan-puan, bukanlah seperti kebanyakan orang kita menggunakan wang itu untuk perkara-perkara yang lain seperti "*luxurious dan wasteful living*". Dan jika keuntungan itu diguna untuk maksud perniagaan, maka tidak payahlah pula tiap-tiap kali meminta bantuan modal daripada Kerajaan setiap kali tuan-tuan/puan-puan hendak mengembangkan atau membuat satu-satu perniagaan/perusahaan yang baru. Inilah caranya kita menolong diri sendiri. Selain daripada menolong diri sendiri adalah satu pahala yang besar pada sisi ugama dan masyarakat apabila kita kerana peribadi, iman dan kelakuan dan tenaga yang baik dapat kemajuan dan setelah maju, selain daripada utung, memberi pula pekerjaan dan mata pencarian yang lebih banyak bagi sanak saudara dan kaum keluarga dan bangsa kita.

Apabila kita semua telah mahir dan pandai menjaga wang dan tenaga kita dengan jimat cermat, penuh dengan fikiran yang bertanggungjawab, bukan sahaja kita akan kurang meminjam dan minta tolong daripada Kerajaan dan bila tak dapat kelak merungut dan merepet, salahkan Kerajaan dan lain-lain lagi. Tetapi ini juga akan memberikan kita kemuliaan dan kepercayaan pada diri sendiri atau "*self-respect*".

Saya percaya jika tuan-puan dan puan-puan menungkan baik-baik, tuan-tuan dan puan-puan akan bersetuju dengan pendapat saya. Adalah mustahak dan penting yang kita semua mesti berazam hendak berdiri di atas kaki kita sendiri, maju dan jaya. Saya suka saudagar-saudagar dan pengurus-pengurus perusahaan anak bumiputra yang maju atau mereka yang bekerja dengan perusahaan-perusahaan yang besar dan pegawai-pegawai Kerajaan, terutama sekali mereka yang berpelajara tinggi, cekap, berani dan bertanggungjawab supaya sama-sama mengikis sifat-sifat buruk ini dan menanam sifat-sifat yang mulia yang saya sebutkan di atas tadi dalam hati anak-anak bangsa kita. Inilah sebenar-benarnya sifat-sifat yang sangat-sangat kita kehendaki dalam masyarakat yang sedang maju. Hanya dengan cara menolong diri kita sendiri dahulu baru kita dapat kelak menolong mengurangkan kemelaratan dan kemiskinan yang ternyata pada hari ini di kalangan sebahagian ahli-ahli bumiputra. Demi bagi kepentingan harapan kita hendak maju, mewah dan mengurangkan perbezaan ekonomi di antara kaum-kaum di negara kita, marilah kita bersama menukar fikiran anak bangsa kita dan tanamkan sifat-sifat yang mulia, sifat-sifat yang menjamin kemajuan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian:

Saya diberitahu satu daripada usul-usul yang akan dibincangkan dalam persidangan ini ialah mendesak Kerajaan supaya mengadakan Kongres Ekonomi Bumiputra Yang Kedua seberapa segera yang boleh.

Sukacitalah saya mengumumkan yang Kerajaan akan mengadakan Kongres Ekonomi Yang Kedua pada tahun 1968 untuk membaharui azam dan mengkaji hasil-hasil dan kemajuan ekonomi bumiputra semenjak Kongres pertama pada bulan Jun 1965.

Saya suka berikrar di sini yang Kerajaan benar-benar hendak menolong rakyat bumiputra mengambil bahagian yang giat dan sempurna dalam lapangan ekonomi negara kita. Tetapi usaha Kerajaan sahaja tidaklah mencukupi; rakyat bumiputra sendiri mestilah bekerjasama dengan menukarkan sifat-sifat yang merugi kepada sifat-sifat yang ingin maju dan kuat dan berani berusaha. Marilah sama-sama semua pihak, Kerajaan, rakyat dan ahli-ahli perniagaan bekerjasama kerana kemajuan dan kemakmuran rakyat, kemajuan perniagaan dan menguatkan lagi pemerintahan yang sudah kuat di bawah Kerajaan Perikatan.

Saya dengan sukacitanya merasmikan Pembukaan Persidangan ini.

Terima kasih.